

Penerapan Konsep Dakwah bi al-Hal dalam Mendepani Dunia Siber di Kalangan Masyarakat Islam

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 080-093
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 27 Jun 2022
Accepted: 27 Ogos 2022
Published: 30 September 2022

[Application of The Concept of Dakwah bi al-Hal in Facing The Cyber World among The Muslim Community]

Mohamad Nurul Hafiz Ab Latif,¹ Aisyah Dollah @ Abdullah,² Ismahdalillah Ariffin,³ Mhd Faizal Mhd Ramli,⁴ Siti Fatimah Salleh,¹ Nor Salimah Abu Mansor,¹ Berhanundin Abdullah¹ & Rahimah Embong

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

2 Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

3 Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

4 Pusat Asasi Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

* Corresponding Author: mnhafizlatif@unisza.edu.my

Abstrak

Kepesatan teknologi masa kini menyebabkan para pendakwah perlu bersaing secara kompeten dan positif dalam mendepani arus globalisasi. Keadaan ini dapat dilihat kepada kecenderungan masyarakat sekarang yang semakin terpengaruh dengan dunia siber hampir dalam semua urusan kehidupan. Justeru itu, antara cara dakwah yang berkesan dalam mendepani kepesatan globalisasi saat ini adalah dakwah bi al-hal kerana pendekatan tersebut lebih berkemampuan menarik minat mad'u menuju kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dakwah bi al-hal juga dikenali sebagai qudwah hasanah iaitu suri teladan yang baik. Skop dakwah bi al-hal yang sinonim dengan contoh akhlak atau peribadi yang baik dalam kalangan pendakwah dari segi percakapan, perbuatan dan amalan seharian sahaja bahkan termasuk juga apa yang telah dikongsikan di media sosial sebagai medium dakwah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat perlaksanaan dakwah bi al-hal dunia siber dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia seterusnya menganalisis konsep dakwah bi al-hal dunia siber dan perlaksanaannya. Metodologi yang digunakan dalam menghasilkan kertas kerja ini adalah berdasarkan kajian analisis kandungan dengan mengaplikasikan kajian perpustakaan dan kajian internet. Data dianalisis secara induktif dan deduktif. Kajian mendapati beberapa konsep dakwah secara umum telah dipraktikkan dengan baik dan berkesan oleh para pendakwah namun penggunaan konsep dakwah bi al-hal dunia siber dalam kalangan masyarakat Malaysia ini sangat rendah dan perlu dioptimumkan penggunaannya kerana jumlah mad'u di media sosial adalah lebih tinggi berbanding mad'u di masjid atau pusat-pusat pengajian agama. Semoga kajian ini menjadi rujukan kepada pendakwah khususnya dan umat Islam amnya dalam memastikan konteks dan pengaplikasian yang relevan untuk diadaptasi oleh setiap lapisan masyarakat, agensi, badan, jabatan, NGO, pertubuhan, intitusi dan setiap pemegang taruh berkaitan. Justeru, penghayatan dakwah bi al-hal dalam dunia siber adalah penting sebagai usaha murni dalam memperkasa gerak kerja dakwah di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian agama, kaum dan budaya. Ia mampu membentuk masyarakat yang unggul akhlak dan secara langsung menyumbang modal insan yang holistik mengikut acuan Al-Quran Al-Sunnah dalam pembangunan masyarakat yang terulung.

Kata kunci: Dakwah bil hal, masyarakat, dunia siber, konsep dakwah, media sosial.

Abstract

The speed of today's technology causes preachers to compete competently and positively in the face of globalization. This situation can be seen in the tendency of society today which is increasingly influenced by the cyber world in almost all matters of life. Therefore, one of the most effective ways of preaching in the face of the rapid pace of globalization today is the da'wah bi al-hal because that approach is more capable of attracting the interest of audience towards goodness and preventing evil. Da'wah bi al-hal is also known as qudwah hasanah which is a good role model. The scope of da'wah are synonymous with good moral or personal examples among preachers in terms of conversations, actions and daily practices only even including what has been shared on social media as a medium of da'wah. Thus, this study aims to look at the implementation da'wah bi al-hal in cyber world affairs among the Muslim community in Malaysia and then analyze the concept da'wah bi al-hal in cyber world affairs and its implementation. The methodology used in producing this paper is based on content analysis research by applying library and internet research. Data were analyzed inductively and deductively. The findings of this article indicate that several da'wah concepts in general have been practiced well and effectively by preachers but the use of the da'wah concept of cyber world affairs among the Malaysian community is very low and its use needs to be optimized because the amount of mad'u on social media is higher than mad'u in mosques or centers of religious studies. Hopefully this study will be a reference for preachers in particular and Muslims in general to ensure relevant context and application to be adapted by every level of society, agencies, bodies, departments, NGOs, organizations, institutions and every relevant stakeholder. Thus, the appreciation of da'wah bi al-hal in the cyber world is important as a noble effort in empowering da'wah work in Malaysia which has a diversity of religions, races and cultures. It is able to form a morally superior society and directly contribute holistic human capital according to the Al-Quran and Al-Sunnah in the development of the best society.

Keywords: Da'wah bill hal, society, cyber world, da'wah concept, social media.

Cite This Article:

Mohamad Nurul Hafiz Ab Latif, Aisyah Dollah @ Abdullah, Ismahdalillah Ariffin, Mhd Faizal Mhd Ramli, Siti Fatimah Salleh, Nor Salimah Abu Mansor, Berhanundin Abdullah & Rahimah Embong. (2022). Penerapan Konsep Dakwah bi al-Hal dalam Mendepani Dunia Siber di Kalangan Masyarakat Islam [Application of The Concept of Dakwah bi al-Hal in Facing The Cyber World among The Muslim Community]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 080-093.

Pengenalan

Dunia siber kini merangkumi kepesatan teknologi yang hebat memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada manusia. Melalui siber, kita dapat menyebarkan segala maklumat dengan mudah dan pantas. Justeru, setiap pendakwah seharusnya menggunakan peluang keemasan ini untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat mengikut citarasa kontemporari dan berlandaskan ajaran Islam. Pelbagai kaedah yang kreatif boleh digunakan dalam penyampaian dakwah melalui siber. Penggunaan media dalam Islam seharusnya lebih menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai acuan hidup mereka. Peranan siber dalam Islam mesti menonjolkan prinsip yang selari dengan ajaran yang telah ditetapkan oleh Islam. Firman Allah S.W.T

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “ Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.” (an-Nahl:125)

Keadaan teknologi yang semakin pesat membangun saat ini memerlukan individu yang berketerampilan unggul dalam mendepani tantangan arus siber. Keadaan sebegini seharusnya menjadikan pendakwah lebih maju ke hadapan kerana kepesatan teknologi tersebut. Maksudnya, pendekatan dakwah perlulah selari mengikut peredaran zaman dan kemampuan masyarakat untuk mendapatkannya. Justeru, tidak dapat tidak seorang pendakwah perlu merebut peluang keemasan ini dalam memartabatkan nilai-nilai Islam sejajar dengan kecanggihan siber saat ini. (Ruzain, 2011)

Oleh hal demikian, antara pendekatan dakwah yang berkesan adalah dakwah *bi al-hal*, menurut Faisal Ismail (2013), dakwah *bi al-hal* merupakan usaha atas gerak kerja yang nyata dalam meningkatkan martabat di samping memakmurkan individu dan masyarakat. Hal demikian kerana, berdasarkan sebuah pepatah Arab yang menyatakan bahawa, “*Lisan al-Hal Afsah Min Lisan al-Maqal*”, iaitu kata-kata yang berlangsung secara nyata ataupun realiti lebih baik berbanding kata-kata yang diucapkan.

Definisi Dakwah *Bi al-Hal*

Menurut bahasa dakwah adalah suatu kegiatan sama ada secara teori mahupun amali yang mengandungi tuntutan amal dan jihad. Menurut Istilah, Abu Ala' al-Mawdudi berpandangan (1967) dakwah merupakan suatu panggilan Ilahi dan Rasul dalam memandu manusia mendapatkan nilai-nilai suci dan agung.

Sementara itu dakwah *bi al-hal* pula merupakan salah satu pendekatan dakwah. Istilah dakwah *bi al-hal* adalah berlandaskan kepada pepatah Arab iaitu *lisan al-hal afsah min lisan al-maqal* yang bererti percakapan nyata lebih baik daripada percakapan yang diucapkan. Secara tuntasnya, dakwah *bi al-hal* dikenali sebagai suatu pendekatan sosial di mana pendakwah perlu meneladani Rasulullah S.A.W sebagai panduan pelaksanaan dakwah *bi al-hal* dengan baik. (Azizul Razak & Hisham Rahim, 2018)

Mas'udi (1987) berpendapat bahawa dakwah *bi al-hal* secara *harfiah* bererti menyampaikan ajaran Islam dengan perbuatan nyata. Adapun begitu, dalam pengertian dakwah *bi al-hal* yang lebih meluas adalah usaha atau keupayaan mengajak masyarakat atau *mad'u* secara individu mahupun secara berkelompok dalam mewujudkan masyarakat yang sentiasa hidup berpandukan tuntutan Islam. Oleh sebab itu, dakwah *bi al-hal* lebih menjurus dalam konteks kemasyarakatan dan menekankan masalah-masalah kemiskinan, keterbelakangan pengamalan agama dan kebodohan dengan mewujudkan amal secara nyata terhadap sasaran dakwah iaitu *mad'u*.

Sementara itu, dakwah *bi al-hal* juga disebut sebagai dakwah *bil qudwah*. Hal demikian kerana, dakwah *bi al-hal* adalah pendekatan dakwah yang berteraskan tontonan akhlak yang baik kepada sasaran dakwah supaya mereka dapat memerhati dan secara langsung mengikut

contoh tingkah laku mahupun akhlak yang ditonjolkan oleh *da'i* iaitu pendakwah. Sehubungan itu, akhlak merupakan alat dalam menyampaikan dakwah. Hal demikian kerana, seseorang tersebut bukan sahaja terpicat dalam kesantunan bahasa seseorang namun, terpicat juga dengan budi pekerti seseorang jika mereka berperwatakan baik seperti Rasulullah S.A.W. (Harun Rasyid, 1989)

Selain itu, Menurut Siti Undriyanti (2015), dakwah *bi al-hal* di mana perkataan *hal* berasal dari Bahasa Arab bererti tindakan. Beliau juga berpendapat bahawa dakwah *bi al-hal* merupakan suatu proses dari sudut memaparkan keteladanan melalui perbuatan nyata berdasarkan pelbagai aspek dalam memartabatkan kualiti hidup individu atau masyarakat. Pendekatan dakwah *bi al-hal* ini juga membawa maksud sesuatu program atau kegiatan dakwah yang dipertontonkan dengan cara mempamerkan tingkah laku, perbuatan-perbuatan yang baik. Hal demikian supaya setiap usaha tersebut dapat membuka ruang kepada *mad'u* untuk meneladani setiap perbuatan *da'i*.

Menurut Suisyanto (2002), dakwah *bi al-hal* mempunyai persamaan dengan dakwah *bil lisan* kerana kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Hal demikian kerana, tiada satu pun kegiatan ataupun aktiviti yang tidak memerlukan kepada komunikasi malah setiap tindak-tanduk dakwah *bi al-hal* ada perkaitannya dengan campur tangan lisan. Menurut beliau lagi, dakwah *bi al-hal* dapat dikenali dengan satu istilah khusus sebagai *qudwah hasanah*. Justeru, dalam *qudwah hasanah* merangkumi dua elemen yang terpenting iaitu kesantunan bahasa dan akhlak yang baik. Dakwah *bi al-hal* ini tiada tandingan dengan dakwah *bil lisan*. Adapun begitu, kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh hal demikian, meskipun perbahasan kajian ini adalah mengenai dakwah *bil hal*, namun pengkaji menyelitkan sedikit maklumat yang berkait dengan dakwah *bil lisan*. Justeru, atas aspek inilah yang memberi ruang kepada pengkaji untuk membahaskan juga dari sudut kesantunan bahasa pada perbincangan yang seterusnya untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan dakwah *bi al-hal* dunia siber.

Menurut Faisal Ismail (2013), dakwah *bi al-hal* merupakan usaha atas gerak kerja yang nyata dalam meningkatkan martabat di samping memakmurkan individu dan masyarakat. Hal demikian kerana, berdasarkan sebuah pepatah Arab yang menyatakan bahawa, "*Lisan al-Hal Afsah Min Lisan al-Maqal*", iaitu kata-kata yang berlangsung secara nyata ataupun realiti lebih baik berbanding kata-kata yang diucapkan. Maksud daripada pepatah Arab tersebut adalah kata-kata orang yang melaksanakan sesuatu perbuatan secara langsung adalah lebih baik berbanding kata-kata yang diucapkan tanpa dipertunjukkan sebarang usaha.

Oleh itu, berdasarkan beberapa definisi yang dinyatakan itu, dapat disimpulkan bahawa dakwah *bi al-hal* adalah satu pendekatan dakwah yang berbentuk mempamerkan contoh terbaik dalam diri seorang individu sama ada dalam bentuk perbuatan, percakapan, kegiatan-kegiatan dakwah dan lain-lain. Dakwah *bi al-hal* juga merupakan contoh nyata yang terdapat dalam peribadi seorang pendakwah yang melaksanakan atau membumikan teori ajaran Islam dalam fikiran, percakapan, tindakan dan apa juga aktiviti sehariannya. Selain itu, pelaksanaan dakwah *bi al-hal* juga bertujuan agar *mad'u* iaitu sasaran dakwah dapat mencontohi dan meneladani setiap perbuatan yang dipertontonkan sama ada melalui tingkah laku, komunikasi dan sebagainya.

Asas Pembinaan Dakwah *Bi al-Hal*

Asas pembinaan dakwah *bi al-hal* terbahagi kepada beberapa bentuk yang mana kesemuanya telah digambarkan dalam al-Quran dari sudut akhlak, khidmat dan prasarana. (Azizul Razak & Hisham Rahim, 2018). Pada bahagian ini, pengkaji memberi gambaran secara umum mengenai asas pembinaan dakwah *bi al-hal* dan penjelasan setiap bentuk tersebut akan dijelaskan pada bab yang seterusnya pada bahagian contoh pelaksanaan dakwah *bi al-hal* dunia siber.

Berikutan itu, pada bahagian ini pengkaji menjelaskan tiga asas pembentukan dakwah *bi al-hal*. Pendekatan dakwah *bi al-hal* sesuai diaplikasikan menerusi akhlak, khidmat dan prasarana. Ketiga-tiga asas ini telah memberi pengaruh yang teramat besar menerusi dakwah Rasulullah S.A.W di Madinah. (Azizul Razak & Hisham Rahim, 2018). Pertama, dakwah *bi al-hal* dengan prasarana di mana Rasulullah S.A.W telah mendirikan Masjid Quba' kepada masyarakat di Madinah. (Azizul Razak & Hisham Rahim, 2018)

Kedua, dakwah *bi al-hal* dengan khidmat menerusi Piagam Madinah yang mana melalui piagam tersebut Rasulullah S.A.W dapat memberi sepenuh khidmat dalam mempersaudarakan antara dua kaum iaitu golongan Muhajirin dan Ansar. Kaum Muhajirin ialah orang Islam dari Mekah, manakala kaum Ansar ialah orang Islam yang telah berada di Madinah. Antara kandungan Piagam Madinah adalah menyatukan golongan Muhajirin iaitu orang Islam yang berhijrah dari Mekah ke Madinah dan golongan Ansar iaitu orang Islam yang telah berada di Madinah. Kandungan Piagam Madinah juga memartabatkan kehormatan kaum wanita. Buktinya, saat golongan Yahudi Madinah melanggar Piagam Madinah, mereka diusir daripada Madinah dan mengisytiharkan perang terhadap mereka. (Asyraf Wajdi, 2019)

Akhir sekali iaitu dakwah *bi al-hal* dengan akhlak melalui suri teladan yang unggul iaitu Rasulullah S.A.W sangat masyhur dengan sikap pemaafnya. Pada 8 hijrah, Rasulullah SAW mengetuai pembukaan Kota Mekah. Untuk pengetahuan bersama, antara penduduk di Mekah pada waktu itu ialah kaum Quraisy. Mereka terkenal dengan sifat angkuh dan sombong serta perilaku yang sangat buruk. Peristiwa pembukaan Kota Mekah ini membuka mata penulis akan sikap pemaafnya Rasulullah SAW terhadap kaum Quraisy walaupun mereka bersikap sombong dan angkuh. Justeru, sikap pemaaf dan rendah hati baginda SAW akhirnya mampu melembutkan hati majoriti kaum Quraisy serta berlapang dada dalam seruan ajaran Islam sehingga terdapat segelintir daripada mereka yang memeluk Islam. (Amran Zakaria, 2016)

Oleh hal demikian, berdasarkan penjelasan berikut, maka pengkaji membuat kesimpulan bahawa terbentuknya dakwah *bi al-hal* itu juga merangkumi tiga aspek dalam pembentukan modal insan sebagai makhluk sosial dalam kehidupan bernegara iaitu sama ada menerusi khidmat, akhlak mahupun prasarana.

Konsep Dunia Siber

Dunia Siber atau dalam Bahasa Inggerisnya adalah *cyberspace* dikenali sebagai ruang yang mempunyai tiga bentuk yang berbeza iaitu *machine to machine*, *people to people* dan *people to machine*. Ketiga-tiga bentuk ini mengandungi kepenggunaan media-media sosial secara meluas termasuklah aplikasi-aplikasi yang tersedia. (Nasrullah, 2012)

Menurut Nasrullah (2012), dunia siber atau *cyberspace* merupakan satu jaringan media yang menggunakan rangkaian internet secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan komunikasi dari satu pihak ke satu pihak yang lain. Secara keseluruhannya, dunia siber mengintegrasikan kepelbagaian peralatan teknologi komunikasi dan jaringan internet dari aspek *sensor, connection, signal, controller* dan lain-lain hingga dapat menghubungkan peralatan-peralatan komunikasi seperti radio, komputer, telefon, televisyen dan peralatan elektronik yang lain. Menurut beliau lagi, dunia siber boleh diertikan dengan maksud satu ruang di mana pengguna media-media elektronik tersebut yang mengendalikannya secara kawalan penuh. Terdapat tiga bentuk komunikasi di dalam dunia siber iaitu *machine to machine, people to machine* dan *people to people*.

Berdasarkan penjelasan oleh Nasrullah (2012), pengkaji membuat kesimpulan bahawa dunia siber adalah satu ruang yang mempunyai jaringan sosial yang melibatkan internet dan media-media elektronik seperti komputer, telefon pintar, telefon bimbit, radio, televisyen dan pelbagai lagi. Justeru, melalui kemudahan-kemudahan berikut, pengguna dapat berinteraksi, bermuamalat, bertukar pendapat dan bertukar-tukar maklumat dari individu ke individu yang lain melalui rangkaian global mahupun internet. Dalam erti kata yang mudah, dunia siber adalah sesuatu yang memberi gambaran tentang internet, kepenggunaannya melalui pelbagai cara dan memperlihatkan penguasaan internet dan media dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh.

Oleh hal demikian, setelah mengemukakan tentang konsep dakwah *bi al-hal* dan konsep dunia siber, pengkaji merumuskan juga bahawa dakwah *bi al-hal* dunia siber adalah satu usaha yang melibatkan perbuatan nyata seorang *da'i* sama ada melalui komunikasi, tingkah laku mahupun keteladanan dalam rangkaian media-media sosial yang dapat menjadi teladan kepada sasaran dakwah iaitu *mad'u*.

Cabaran dan Kesan Dunia Siber dalam Pembentukan Masyarakat

Dunia siber banyak memberi kemudahan dalam pelbagai urusan kehidupan manusia. Namun begitu, tidak dinafikan juga bahawa dunia siber memberi banyak cabaran yang perlu ditempuhi dan ditangani oleh masyarakat terutamanya isu yang berkaitan dengan gejala sosial yang melibatkan penggunaan alat dan aplikasi komunikasi moden. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan teknologi semasa, kebanyakan masyarakat hari ini khususnya golongan remaja menggunakan siber untuk menjalinkan hubungan sosial seperti menerusi laman web *Facebook, Twitter, Instagram, tiktok* dan lain-lain lagi yang menawarkan pelbagai tawaran serta perkhidmatan yang menarik dan menyeronokkan sehingga menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk menyertainya. Sememangnya, tidak dapat dinafikan bahawa laman web sosial sebegini mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan seperti dapat berhubung serta membincangkan isu-isu terkini melalui ruangan siber, namun begitu aspek keburukannya adalah kerana penggunaannya tanpa kawalan. Laman-laman web sebegini juga menjadi tumpuan para penjenayah yang mahu menjadikan remaja sebagai mangsa mereka. Terdapat juga para remaja yang mungkin tidak menyedari keperluan untuk menjaga maklumat peribadi mereka termasuk menyebarkan gambar-gambar peribadi mereka sehingga jatuh ke tangan

pihak yang tidak dikenali seperti menjadi mangsa penjenayah-penjenayah dunia siber sehingga melibatkan diri dalam dunia pornografi, pelacuran, seks bebas, penculikan dan pemerdagangan manusia. Antara cabaran-cabaran yang terdapat dalam dunia siber adalah :

Kesahihan Maklumat

Salah satu cabaran yang dihadapi adalah berkenaan dengan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di media sosial. Dengan informasi di hujung jari masyarakat khususnya para belia terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu. Sekiranya pembaca tidak berhati-hati dalam menentusahkan ketulenan sumber berita atau maklumat tersebut dan kemudiannya berkongsi berita atau maklumat palsu itu, ia akan mengakibatkan berita atau maklumat tersebut menjadi tular. Sedikit sebanyak perkongsian berita atau maklumat tidak sah itu akan menjejaskan atau memudaratkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penularan berita atau maklumat tersebut.

Kerajaan Persekutuan sememangnya memandang berat terhadap fenomena penularan berita dan maklumat palsu ini sehinggakan pihak Kerajaan terpaksa mewujudkan langkah-langkah dalam menangani permasalahan ini menerusi usaha yang berpanjangan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia seperti kewujudan laman sesawang *Sebenarnya.My3*. Ini merupakan suatu usaha yang murni daripada pihak Kerajaan Persekutuan dalam memerangi penularan berita dan maklumat yang tidak sah dalam media sosial. Dikhuatiri, golongan pelajar turut menjadi penerima dan penyebar maklumat yang tidak sah. Perkara ini boleh menjadi lebih parah jika maklumat yang disebarkan melibatkan perkara-perkara yang serius yang boleh memberi kesan kepada keselamatan, kesihatan, ekonomi serta kestabilan sosial. Antara isu popular adalah isu penyebaran maklumat palsu (Bernama 2015) atau berbentuk fitnah menggunakan media elektronik. Dengan sifat kepantasan dan keterbukaan media elektronik, sesuatu berita boleh dikongsi dengan begitu pantas dan meluas kepada seluruh dunia. Di dalam Al-Quran juga Allah telah mengingatkan umat Islam supaya berwaspada dalam menerima dan mempercayai sesuatu berita seperti yang tercatat dalam Surah Al-Hujurat ayat 6: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa berita sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu lakukan”.

Kebelakangan ini didapati semakin banyak kes melibatkan penyalahgunaan internet dalam menyebarkan maklumat yang tidak tepat. Dikhuatiri, golongan pelajar turut menjadi penerima dan penyebar maklumat yang tidak sah. Perkara ini boleh menjadi lebih parah jika maklumat yang disebarkan melibatkan perkara-perkara yang serius yang boleh memberi kesan kepada keselamatan, kesihatan, ekonomi serta kestabilan sosial. Antara isu popular adalah isu penyebaran maklumat palsu (Bernama 2015) atau berbentuk fitnah menggunakan media elektronik. Dengan sifat kepantasan dan keterbukaan media elektronik, sesuatu berita boleh dikongsi dengan begitu pantas dan meluas kepada seluruh dunia. Kebelakangan ini didapati semakin banyak kes melibatkan penyalahgunaan internet dalam menyebarkan maklumat yang tidak tepat. Dikhuatiri, golongan pelajar turut menjadi penerima dan penyebar maklumat yang tidak sah. Perkara ini boleh menjadi lebih parah jika maklumat yang disebarkan melibatkan perkara-perkara yang serius yang boleh memberi kesan kepada keselamatan, kesihatan,

ekonomi serta kestabilan sosial. Antara isu popular adalah isu penyebaran maklumat palsu (Bernama 2015) atau berbentuk fitnah menggunakan media elektronik. Dengan sifat kepantasan dan keterbukaan media elektronik, sesuatu berita boleh dikongsi dengan begitu pantas dan meluas kepada seluruh dunia. Maklumat yang tepat dan benar kesahihannya adalah penting bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan dan kepalsuan fakta. Terutama sekali dalam soal ilmu keagamaan yang perlu dipastikan kebenarannya. Pihak yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan bagi menyeleweng dan melakukan dusta bagi tujuan menyesatkan orang lain. Hal ini memberi cabaran terhadap proses tradisional dalam mendapatkan maklumat yang sahih. Misalnya dengan hanya merujuk kepada bahan dari internet seperti al-Quran kemungkinan berlaku kesalahan fakta seperti ayat dari versi Israeliyat. Oleh itu seseorang perlu merujuk kepada sumber asal bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan. Kesan yang nyata dari amalan ini ialah ramai pencari maklumat mudah mempercayai bahan yang diperolehi dari internet. Rujukan maklumat semata-mata kepada internet tanpa pengesahan akan menimbulkan masalah tentang kebenaran fakta sesuatu maklumat.

Pelayaran Web Negatif

Pornografi mendatangkan kesan negatif kepada semua peringkat sama ada kepada orang dewasa, remaja mahupun kanak-kanak. Dr. Victor Cline (2008), pakar psikoterapi dan juga Professor Emeritus dalam bidang Psikologi di University Utah, Salt Lake City, dalam menangani masalah ketagihan seks menyatakan, jika penggunaan pornografi dilakukan secara berterusan dan jika dibiarkan akan membawa kepada ketagihan yang lebih teruk (bermula daripada *soft pornography* kepada *hard core pornography*). Beliau juga menyatakan pornografi juga boleh membawa kepada tingkah laku seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini berlaku kerana penonton pornografi akan cuba beraksi berdasarkan pada apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan atau menghancurkan seseorang. Menurut Cline juga, seperti penyakit barah, masalah ketagihan pornografi sukar untuk dikesan dan sukar juga untuk disembuhkan. Jika masalah ini tidak diatasi terutamanya kepada golongan lelaki ianya boleh membawa kepada kehidupan berumahtangga yang tidak harmoni dan kadangkala berlaku penceraian. (Aziz, Nor & Saari, Che. 2011)

Menurut Dr. Judith Reisman (2008), yang merupakan presiden Institute for Media Education di Pennsylvania, bagi golongan kanak-kanak dan remaja pornografi memberikan kesan buruk kepada otak. Otak mempercayai apa sahaja yang dipaparkan dan inilah yang akan berlaku pada minda kanak-kanak dan remaja. Ini kerana pornografi boleh menyebabkan otak diselaputi dengan gambaran palsu tentang realiti sebenar seperti berikut:

Health-based neurological observations about the instinctual brain-imprinted response to pornographic sights and sounds indicates that viewing pornography is a biologically significant event that overrides informed consent - and that is harmful to children's [moldable] 'plastic' brains because it compromises their grasp of reality and thus their mental and physical health, their well-being and their pursuit of happiness.

Menurut wawancara MIM Morality in Media Inc. dengan Raymond Pierce (2000), pesara polis yang memegang jawatan eksekutif NYPD (New York Police Dept.) menyatakan, daripada 750 ke 1000 kes pembunuhan seksual dan kes rogol yang telah disiasat sepanjang beliau bertugas 80% ke atas telah melihat atau membaca bahan-bahan pornografi samada melalui majalah, atau apa sahaja yang berkaitan dengan pornografi.

Kewujudan laman web lucah yang mudah diakses oleh sesiapa sahaja termasuk anak-anak sekolah, remaja dan golongan dewasa memberi kesan negatif terhadap perubahan nilai dan gaya hidup mereka. Larangan agama terhadap perlakuan yang boleh menghampiri zina tidak mampu menyekat remaja dan golongan dewasa daripada menghindari perbuatan tercela. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud: “Jangan kamu hampiri perbuatan Zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji”.

Ketagihan internet ini tertumpu kepada *cybersex addiction* dan *compulsive gambling*. Material berkaitan seks begitu mudah dan tersiar di internet dengan pelbagai dimensi dan ilustrasi pornografi dan *chatroom* yang membicarakan unsur-unsur seksual. Kewujudan berbagai bentuk laman web negatif telah mencabar nilai dan gaya hidup insaniah sebagaimana yang diajar oleh Islam. Pendidikan Islam jelas mencegah umat dari terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Pendidikan akhlak menurut Islam ialah pembentukan jiwa dan peribadi muslim yang mampu menjaga dan menjauhi amalan-amalan buruk termasuk melayari laman web lucah. Impak kepada gejala ini maka merebaklah bermacam penyakit sosial akibat ketagihan seks seperti perzinaan, pelacuran, penularan HIV/AIDS, Homoseksual dan Lesbian, penyakit kelamin, curang dalam hubungan dan melakukan seks sebelum kahwin di kalangan remaja. Menurut laporan akhbar dan kajian oleh penyelidik Universiti Malaya pada tahun 2005 ramai remaja sudah melakukan hubungan seks dalam menjalinkan perhubungan mereka. Malahan ada yang merakamkan untuk simpanan peribadi dan disebar untuk umum melalui internet dan telefon peribadi menggunakan teknologi 3G.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Universiti Malaya dan sebuah syarikat swasta pada tahun lalu mendapati 13 peratus remaja berusia 15 hingga 21 tahun pernah mengadakan hubungan seks sebelum perkahwinan. Kajian itu mendapati 76 peratus daripada respondennya remaja lelaki manakala 61 peratus membabitkan remaja perempuan. Dalam kajian lain yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan terhadap remaja bersekolah berumur 13 hingga 18 tahun, mendapati 1.8 peratus daripadanya mengaku pernah terbabit dalam aktiviti seks. Malah statistik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 2011 menunjukkan hampir 5.8 peratus remaja di Semenanjung Malaysia berusia di antara 13 dan 14 tahun pernah melakukan hubungan seks luar nikah. Lebih membimbangkan apabila kajian berkenaan turut mendedahkan bahawa kelompok remaja berusia 18 hingga 24 tahun adalah yang paling aktif secara seksual. Walaupun isu seks bebas remaja membabitkan kedua-dua jantina lelaki dan perempuan, permasalahan lebih besar sering melingkungi kaum hawa. (Harian Metro “Gejala Seks di kalangan remaja”)

Penyebaran Fitnah dan Gosip

Media sosial juga dilihat sebagai medan atau alat untuk menyebarkan fitnah untuk menjatuhkan atau untuk memalukan seseorang. Perkara ini dilihat sebagai hampir normal pada masa sekarang dan ini adalah perkembangan yang tidak sihat bagi masyarakat Malaysia yang sedang

menuju negara maju. Ini merupakan cabaran yang agak susah hendak ditangani kerana kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya belia amat mudah terpengaruh dengan fitnah atau tohmahan yang terdapat dalam media sosial. Fitnah disebar menggunakan laman web internet, sms, mms dan media lain terutama di musim pilihanraya. Hal ini mencabar etika dan tatasusila hidup bermasyarakat dan bernegara. Menurut ajaran Islam, penyebaran fitnah adalah satu jenayah yang sangat besar. Fitnah memberi kesan terhadap maruah dan kedudukan seseorang individu serta keluarganya.

Permasalahan Remaja

Minat remaja terhadap ICT terutama teknologi internet dan alat komunikasi mendorong mereka menghabiskan masa di cyber café, internet café dan telefon tangan. Program seperti *chatting*, permainan video, tik tok dan berbagai aktiviti melaluinya membawa kesan dan cabaran tersendiri. Kegilaan anak remaja ini memberi cabaran kepada ibubapa mereka. Ramai pelajar yang ponteng sekolah, menyalahgunakan wang saku, meminjam wang teman bahkan ada yang sanggup menipu dan mencuri.

Setiap ibu bapa adalah pemimpin kepada anak-anak mereka. Menurut ajaran Islam setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap pengikut mereka. Kawalan dan penjagaan yang berterusan perlu bagi menjamin anak-anak tidak terlibat dalam kancas gejala sosial. Hal ini mencabar pengurusan sekolah, pihak berkuasa dan orang ramai terhadap masalah pelajar yang mengunjungi pusat internet di waktu persekolahan dan selepas persekolahan. Kesannya ialah pembaziran masa kerana terlalu lama di cyber cafe, tidak ada kawalan keluarga dan berkembang biaknya masalah serta gejala sosial di kalangan remaja. Hal ini menyebabkan kerajaan terpaksa bertindak mengawal aktiviti kunjungan remaja ke pusat-pusat internet.

Buli Siber

Cabaran yang seterusnya adalah semakin menular di akhir-akhir ini berkenaan dengan *cyberbullying* atau pembulian siber. Walaupun kes buli siber di negara ini tidak begitu serius berbanding dengan negara-negara maju yang lain, namun ia menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun. Menurut artikel berita yang dikeluarkan dalam surat khabar The Star Online yang bertajuk "*On the alert for cyberbullying*" bertarikh 11 April 2017, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia, sebanyak 300 kes pembulian siber yang direkodkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes pada tahun 2014, 442 kes pada tahun 2015 dan 529 kes pada tahun 2016. Menurut artikel berita yang sama, pihak CyberSecurity Malaysia menyatakan bahawa kes pembulian siber di kalangan pelajar sekolah adalah tinggi dan lebih serius. Ini kerana, statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2012, sebanyak 250 kes dicatatkan pada tahun 2012, 389 kes pada tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes pada tahun 2015 dan 338 kes pada tahun 2016. Jumlah kes pembulian siber yang melibatkan pelajar sekolah adalah sebanyak 1,524 kes semenjak lima tahun yang lepas. Ini adalah suatu angka yang sangat mengejutkan dan amat membimbangkan. Kesan pembulian siber terhadap mangsa adalah lebih kepada psikologi mangsa seperti kurang keyakinan diri,

menjadi anti sosial dan dalam kes yang lebih ekstrem, mangsa mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

Selain itu, terdapat juga gejala pembulian siber seperti sindrom ‘*tall poppy*’ dalam media sosial yang mana ia merujuk kepada situasi yang mana pengguna media sosial akan memberikan komen-komen yang negatif bagi tujuan menjatuhkan maruah pengguna media sosial yang lain kerana mereka tidak senang melihat orang lain berada dalam keadaan yang lebih tinggi daripada diri mereka sendiri. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh surat khabar Kosmo Online! Melalui artikel berita yang bertajuk ‘Ramadan cegah sindrom negatif media sosial’⁸ yang bertarikh 14 Jun 2017, sindrom *tall poppy* ini boleh diklasifikasikan sebagai satu gejala buli di alam maya. “Dalam satu kejadian, seorang pelajar cemerlang mendapat kecaman hebat kerana mengenakan alat kosmetik ketika ingin mengambil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu. Kejadian itu merupakan satu contoh kejadian buli siber ke atas orang yang mempunyai karektor *tall poppy*. Ada masanya juga, ia menjadi lumrah apabila dua karektor *tall poppies* dibandingkan oleh penghidap sindrom untuk membuktikan kebenaran hujah mereka yang tidak tercapai akal itu kerana mereka banyak berbicara berasaskan emosi”. (2017 Nadia Fauzi, Ilkap)

Keistimewaan Dakwah *Bi al-Hal* dalam Dunia Siber

Pada era globalisasi masa kini, media sosial merupakan salah satu medium yang menjadi perantaraan sosial dalam kalangan masyarakat. Terdapat pelbagai maklumat yang boleh diambil secara penuh mahupun menyeluruh menerusi atas talian atau istilah yang biasa digunakan iaitu ‘*online*’ tanpa batasan. Begitu juga media sosial yang hingga ke hari ini menjadi saluran dalam menyampaikan dakwah. Adapun begitu, menerusi pelaksanaan dakwah *bi al-hal* dunia siber, wujudnya beberapa kesan negatif mahupun positif dalam masyarakat Malaysia. Pendakwah yang berhemah ialah pendakwah yang menjaga tutur kata dan bahasanya, pandai mengolah ayat-ayat dakwahnya sehingga meresap ke dalam jiwa sasaran dakwah iaitu *mad’u*.

Penjelasan yang berkualiti, berkekrativiti dan penuh dengan maklumat akan memberi keberkesanan kepada *mad’u* dalam menerima dakwah tersebut. Perihal tersebut akan membuatkan *mad’u* semakin tertarik dengan penyampaian yang dibawakan oleh *da’i* hingga menghasilkan persoalan dan menimbulkan usaha ke dalam diri *mad’u* untuk mencari maklumat atau informasi mengenai sesuatu perkara yang merunsingkan mereka. Namun, pembahasan mengenai nilai negatif dan positifnya dakwah *bi al-hal* dunia siber adalah bergantung kepada cara *da’i* menyampaikan dakwahnya menerusi kesantunan bahasanya, tingkah lakunya dan lain-lain. Aspek-aspek inilah yang menjadi penentu terhadap kejayaan sesuatu dakwah. Hal demikian kerana, sekiranya seseorang *da’i* menggunakan bahasa yang kurang elok didengari, maka sasaran dakwahnya mungkin akan merasa tersinggung hingga mewujudkan beberapa perbalahan yang tidak sepatutnya. Bukan itu sahaja, bahasa-bahasa tersebut juga membuatkan seolah-olah *mad’u* tidak mahu lagi menerima sebarang dakwah kerana kata-kata lancang yang dilemparkan oleh *da’i*. Secara dasarnya, dunia siber yang mengandungi perkaitan antara media sosial dan juga teknologi merupakan salah satu medium penyampaian dakwah yang berkesan dan terbaik. (Aiman Kamaruin, Syakir Kamal & Jimain Safar, 2021)

Impak Dakwah *Bi al-Hal* Dunia Siber Kepada Individu dan Masyarakat

Antara aspek yang memberi kesan terhadap individu adalah kebaikan yang terdapat dalam ilmu Islam itu sendiri di mana mereka dapat melihat nilai-nilai tersebut secara langsung tanpa batasan dan halangan. Hal demikian kerana, berkemungkinan masih wujud segelintir individu yang malu atau rasa takut untuk mengajukan soalan-soalan yang menyentuh perihal agama Islam disebabkan oleh faktor kekeluargaan mahupun kemasyarakatan. Bukan itu sahaja, bahkan keadaan akan menjadi lebih keruh tatkala media massa menggambarkan Islam adalah agama yang menganjurkan peperangan. Oleh hal demikian, dengan terlaksananya dakwah *bi al-hal* dunia siber, maka, secara langsung para pendakwah dapat memperjelaskan perkaitan mengenai agama Islam sebagai agama yang mulia dan menolak segala lontaran negatif oleh media-media massa serta menjadikan dunia siber pada saat ini sebagai satu medium memartabatkan nilai-nilai Islam kepada masyarakat. (Aiman Kamaruin, Syakir Kamal & Jimain Safar, 2021)

Peristiwa 11 September 2001 merupakan tarikh bermulanya tanggapan masyarakat bukan Islam terhadap Islam yang menganggap bahawa Islam adalah agama yang berbentuk keganasan dan membuat spekulasi bahawa golongan Muslim ialah pengganas. Oleh hal demikian, terdapat pelbagai cemuhan yang agak rasis dan wujudnya hukuman kepada orang Islam akibat daripada peristiwa tersebut, antaranya menahan golongan yang mempunyai nama Muslim mahupun yang mempunyai wajah persis orang Arab. Justeru, dengan terwujudnya dakwah *bi al-hal* dunia siber inilah yang akan menjadi platform memulihkan keadaan-keadaan sedemikian dengan memperkenalkan nilai-nilai Islam yang luhur. Di Malaysia, terdapat juga beberapa tuduhan dalam kalangan masyarakat Muslim terhadap Muslim yang lain. Antaranya, tuduhan mengenai makanan-makanan dan minuman-minuman yang halal. Bahkan, wujud juga persepsi buruk yang dilontarkan oleh seseorang Muslim dengan memburuk-burukkan pihak yang lain dari aspek persijilan halal sesebuah kedai. Justeru, dengan adanya dakwah *bi al-hal* dunia siber inilah yang akan membantu memartabatkan prinsip-prinsip Islam dan memulihkan segala kesalahpahaman yang wujud dalam kehidupan seseorang mukmin sama ada di Malaysia mahupun luar negara. (Aiman Kamaruin, Syakir Kamal & Jimain Safar, 2021)

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini membincangkan mengenai konsep dakwah *bi al-hal* dunia siber dan kesannya kepada masyarakat. Terdapat beberapa asas dalam membentuk dakwah bil hal, antaranya adalah khidmat, prasarana dan akhlak. Ketiga-tiga asas inilah yang menggambarkan dakwah *bi al-hal* dan bukanlah terbatas kepada *qudwah hasanah* (suri teladan) sahaja. Dunia siber merupakan platform yang terbaik kerana masyarakat oleh mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan Islam secara mudah dan cepat. Justeru, melihat kepada kemudahan yang tersedia, ini merupakan peluang keemasan buat para pendakwah dalam menyampaikan risalah Islam dan memartabatkan nilai-nilai Islam menerusi dakwah *bi al-hal* dunia siber.

Rujukan

- Abu Zahra. (1999). *Al-Dakwah ila al-Islam.*: Bandung : PT. Remaja Rosdakarya.
- al-Hadharah. (2015). Dakwah Bil Hal: Prospek dan Tantangan Da'i. *Ilmu Dakwah*. 14(27): 15-30.
- Harian Metro. 2005. "Gejala Seks di kalangan remaja" 9 Ogos.
- al-Aluri, Adam 'Abd Allah. (1989). *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah Baina al-Ams Ila al-Yawm*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Adrianto. 2007. Kesantunan Berbahasa dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Ilmiah al-Syir'ah*. 5(2): 50-60.
- Nor Azah Abdul Aziz, and Che Zarrina Saari, (2011) Menangani permasalahan laman web pornografi: antara perisian penapis, penguatkuasaan undang-undang dan amalan spritual. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (1): 29-46.
- Ali Aziz. (2004). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Kencana.
- Abd Al-Majd, Al-Sayyid Nawfal. (1977). *Al-Da'wah Ila Allah Taala: Khasa'isuha Muqawwimatuha wa Manahijuha*. Al-Qahirah: Maktabah al-Hadrah al-Qawmiyyah al-Fujalah.
- Amini Amir Abdullah. (2012). Etika Digital dan Berinternet Menurut Perspektif al-Quran. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 12(1): 15-30.
- Amran Zakaria. (2016). 'Pemaaf, Sabar Buka Pintu Rahmat'. *Berita Harian*. 27 April.
- Asyraf Wajdi. (2019). 'Konsep Ummah Menurut Piagam Madinah'. *Sinar Harian*. 8 Februari.
- Aziz Zain. (2005). *Peranan Dakwah dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Malaya.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd Hisyam Abdul Rahim. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue 1-17.
- Burhanuddin Jalan (2016). 'Lapan Nilai Bentuk Akhlak Mulia'. *Berita Harian*. 25 Februari.
- Desi Syafriani. (2017). Hukum Dakwah dalam al-Quran dan Hadis. *Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan* 1(1): 16-27.
- Kamus Dewan. (2002).. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suisyanto. (2002). Dakwah *Bi al-hal* (Suatu Upaya Menumbuhkan Kesadaran dan Mengembangkan Kemampuan Jamaah. *Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama*. 3(2): 12-25.
- Syamsuddin. 2016. *Sejarah Dakwah*. Bandung: Simbiosia Rekatama Media.
- Tata Sukayat. (2015). *Ilmu Dakwah Perspektif Filsafat Mabadi Asyarah*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Thohir Luth. (1999). *M. Natsir: Dakwah dan Pemikirannya*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Umar Barmawi. (1987). *Asas-asas Ilmu Dakwah*. Solo: CV. Ramadani.
- Wahidin Saputra. (2012). *Pengantar Ilmu Dakwah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Wahyu Oktaviana. (2020). Dakwah *Bi al-hal* Sebagai Metode Dakwah Pada Masyarakat Srikaton Seputih Surabaya Kabupaten Lampung Tengah. Tesis Sarjana. Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah. Institut Agama Islam Negeri Metro.
- Ya'qub Hamzah. (1992). *Publistik Islam Teknik Dakwah dan Leadership*. Bandung: CV. Diponegoro.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1978). *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut : Dar al-Ahya al- Turath

al-Qaradawi, Yusuf. (1983). *Thaqafah al-Da''iyah*. Beirut; Muassasah al-Risalah.
Wan Siti Fatimatul Akmal W.Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *ISLAMIYYAT* 41(1): 117 – 124.